



10 NOV, 2020

Perkasakan peranan agensi di bawah MOA

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Perkasakan peranan agensi di bawah MOA

NURZILLA MOHAMAD

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) digesa memperkasakan peranan agensi berkaitan di bawah kementerian itu khususnya dalam urusan pemasaran, pelabelan, pembungkusan, promosi dan lain-lain.

Menerusi pemerhatian Ahli Parlimen Igan, Ahmad Johnie Zawawi di kawasan Igan, beliau mendapat terdapat pelbagai produk pertanian dan hasil ne-

kan, namun bersifat ber-kala, bermusim dan dalam kuantiti yang kecil.

Jelasnya, ini berlaku kerana tiada permintaan yang konsisten dan tiada sistem pemasaran yang baik.

Sehubungan itu, pada Persidangan Dewan Rakyat bagi sesi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Par-

limen ke-14 ini, beliau membangkitkan soalan kepada Menteri Pertanian dan Industri Makanan,

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee supaya menyatakan apakah perancangan


an untuk menaikkan hasil taraf ekonomi dan pendapatan petani dan nelayan di kawasan Parlimen Igan.

"Sekiranya ada sistem pemasaran yang baik dan efektif, nescaya petani dan nelayan dapat meningkatkan hasil produk mereka malah akan terlibat di dalam industri hilirannya kerana sudah ada permintaan yang tinggi di pasaran.

"Inilah yang kita harapkan agar Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dapat merangka satu perancangan jangka panjang yang jitu dan sis-

tematik supaya petani dan nelayan di kawasan Parlimen Igan terjamin dari segi pendapatan mereka," katanya.

Justeru, beliau mengharapkan agar agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan agensi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang lain dapat diperkasa dan memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan program pemasaran dan promosi hasil pertanian serta hasil nelayan.



AHMAD Johnie Zawawi pada Persidangan Dewan Rakyat bagi sesi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Parlimen ke-14, semalam.



10 NOV, 2020

Perkasakan peranan agensi di bawah MOA

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

NURZILLA MOHAMAD KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) digesa memperkasakan peranan agensi berkaitan di bawah kementerian itu khususnya dalam urusan pemasaran, pelabelan, pembungkusan, promosi dan lain-lain. Menerusi pemerhatian Ahli Parlimen Igan, Ahmad Johnie Zawawi di kawasan Igan, beliau mendapat terdapat pelbagai produk pertanian dan hasil nelayan tempatan dihasilkan,

namun bersifat berkala, bermusim dan dalam kuantiti yang kecil. Jelasnya, ini berlaku kerana tiada permintaan yang konsisten dan tiada sistem pemasaran yang baik.